

## Karnival Futsal MILO Hidup Bola 2023

### Soalan Lazim

**1. Siapa yang boleh mengambil bahagian?**

Mana-mana warganegara Malaysia berumur 12 tahun dan ke bawah (umur 6 tahun keatas) bagi kategori Bawah 12 tahun dan berumur 16 tahun dan ke bawah bagi kategori Bawah 16 tahun. Sesiapa sahaja boleh membentuk pasukan untuk mengambil bahagian. Tidak perlu berdaftar di bawah akademi atau penyertaan menerusi sekolah.

**2. Bolehkah anak perempuan saya mengambil bahagian?**

Pertandingan ini terbuka kepada lelaki dan perempuan. Satu pasukan juga boleh terdiri daripada kedua-dua jantina.

**3. Bilakah tarikh akhir pendaftaran?**

2 hari sebelum setiap tempat pertandingan.

**4. Apakah yuran pendaftaran terdiri daripada?**

Penyertaan dalam kejohanan & jersi kejohanan.

**5. Bolehkah saya membayar yuran pendaftaran dalam bentuk wang tunai di tempat kejohanan?**

Tidak boleh. Pembayaran adalah 100% dalam talian.

**6. Adakah pemain dan jurulatih/pengurus pasukan saya perlu melakukan ujian sendiri Pantas Antigen Covid-19 (cecair mulut)?**

Tidak wajib tetapi adalah digalakkan untuk melakukan ujian sendiri Pantas Antigen Covid-19 pada hari kejohanan.

**7. Sebagai pengurus/jurulatih pasukan, apakah dokumen yang perlu saya bawa pada hari pertandingan?**

Borang pendaftaran pemain, borang kebenaran ibu bapa (setiap pemain) & Salinan fotostat IC setiap pemain.

**8. Jika pasukan saya tidak dapat hadir pada hari tersebut selepas pendaftaran (pembayaran), bolehkah saya mendapatkan bayaran balik saya?**

Tidak. Yuran pendaftaran tidak akan dikembalikan.

**9. Bolehkah ahli keluarga mengiringi pasukan ke kejohanan?**

Ya, ahli keluarga peserta atau penyokong adalah dibenarkan untuk menghadiri ke lokasi kejohanan.

**10. Adakah kejohanan itu akan dianjurkan di setiap negeri?**

Tahun ini akan menjadi kejohanan serantau dan akan dijalankan di tempat-tempat seperti di bawah:

<b>TARIKH</b>	<b>HARI</b>	<b>ZON</b>	<b>LOKASI</b>
8-Jul-23	Sabtu	<b>Tengah</b>	<b>Sportizza Futsal, Subang USJ</b>
22-Jul-23	Sabtu	<b>Sarawak</b>	<b>Arena Sukan, Kuching</b>
5-Ogos-23	Sabtu	<b>Sabah</b>	<b>Yayasan Sabah, Kota Kinabalu</b>
12-Ogos-23	Sabtu	<b>Selatan</b>	<b>Sports Prima, Johor Bahru</b>
19-Ogos-23	Sabtu	<b>Utara</b>	<b>De Futsal Centre, Alor Star</b>
2-Sep-23	Sabtu	<b>Timur</b>	<b>Legend Futsal Centre, Kuantan</b>
10-Sep-23	Ahad	<b>Grand Final</b>	<b>Sportizza Futsal, Subang USJ</b>